

Dr. Mahathir akan bertugas semula dua bulan lagi – Ghafar

UM 15 FEB 1989

KUALA LUMPUR 14 Feb. — Encik Ghafar Baba berkata Datuk Sri Dr. Mahathir **Mohamad** akan kembali bertugas semula apabila beliau cukup sihat untuk bekerja dalam masa dua bulan dari sekarang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau sendiri telah menjalani pembedahan pintasan koronari pada bulan November 1987 dan kembali bertugas dua bulan kemudian.

Serentak dengan itu beliau menafikan keras khabar-khabar angin kononnya berlaku peributan kuasa di Malaysia.

“Struktur politik di Malaysia tidak akan berubah, Datuk Sri Dr. Mahathir akan menyambung tugas sebagai Perdana Menteri sebaik sahaja beliau sembuh selepas menjalani pembedahan jantung,” katanya dalam satu temuramah dengan akhbar *Straits Times* Singapura yang disiarkan hari ini.

Encik Ghafar berkata beliau yakin penuh Datuk Sri Dr. Mahathir mampu memikul tugas-tugas berat.

“Setahu saya Datuk Sri Dr. Mahathir sihat. Beliau akan sembuh sepenuhnya sebelum beliau kembali bertugas,” kata Encik Ghafar yang mengambil alih tugas Perdana Menteri termasuk portfolio Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kehakiman.

Encik Ghafar memberitahu, Perdana Menteri mungkin akan kembali menjalankan tugas menjelang akhir Mac

atau awal April.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah menjalani pembedahan pintasan koronari bulan lalu yang menyebabkan akhbar tempatan dan luar negeri membuat spekulasi siapa yang akan menggantinya. Malah, ada laporan yang menyatakan beliau mungkin bersara.

Encik Ghafar berkata, laporan-laporan itu ha-

nya “spekulasi semata-mata” kerana sepanjang pengetahuannya, tidak timbul persoalan sama ada Datuk Sri Dr. Mahathir akan meletakkan jawatan.

Beliau juga menolak dakwaan kononnya beliau telah meminta ketua kumpulan Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah supaya menyertai UMNO.

Laporan majalah luar

negeri dan akhbar-akhbar tempatan menyatakan Encik Ghafar telah menemui pengikut setia Tengku Razaleigh, Tan Sri Othman Saat untuk berbincang mengenai kemasukannya semula Tengku Razaleigh.

Sebaliknya, kata Encik Ghafar, beliau menemui Tan Sri Othman yang juga bekas Menteri Besar Johor untuk meyakinkannya dan kumpulan

Tengku Razaleigh bahawa mereka tidak boleh menghidupkan semula UMNO lama yang telah diharamkan setahun lalu.

Kami tidak membincangkan mengenai kemasukannya ke dalam UMNO. Tengku Razaleigh sudah cukup dewasa untuk membuat keputusannya sendiri. Tidak perlu bagi saya untuk meyakinkannya.